

**KENANGAN INDAH ...**  
peserta mesyuarat  
MAPUM bergambar  
melakarkan  
kenangan indah di  
Gunung Kinabalu.



# Mapum utamakan kualiti kolej kediaman universiti

**KOTA KINABALU:** Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr.Hj. Kasim Hj. Mansur berkata adalah menjadi tanggungjawab semua IPTA dinegara ini, khususnya UMS memberikan perkhidmatan penginapan yang selesa kepada warga kampus.

Katanya, pegawai dan kakitangan yang telah diberi tanggungjawab dalam melaksanakan tugas perlu mempunyai integriti disamping berpegang kepada kejujuran dalam mentadbir dan melaksanakan tugas dengan ikhlas dalam mentadbir urus kemudahan kolej.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-Universiti Malaysia (MAPUM) kali ke-41 di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Dr Kassim berkata disamping menyelaras urusan pentadbiran dan kemudahan penginapan pelajar, UMS juga sentiasa mengambil berat akan hal kebajikan pelajar, dengan adil dan saksama serta mematuhi prosedur dan peraturan kolej Universiti yang sedia ada.

"Ini selaras dengan objektif Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS iaitu, mengurus, mengatur dan mengawal selia semua kegiatan yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah pelajar serta kebajikan pelajar bagi mewujudkan keselesaan dalam proses pembelajaran dan suasana kehidupan kampus yang berkualiti," katanya.

Beliau berkata usaha ini juga untuk memastikan kegiatan pelajar ke arah melahirkan graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan bersahsiah tinggi selaras dengan visi dan misi UMS.

Mesyuarat MAPUM kebangsaan kali ini juga telah meluluskan beberapa program kemahasiswaan.

Menurut beliau dalam usaha meningkatkan pengurusan organisasi kolej kediaman dan pengurusan budaya kerja berkualiti, MAPUM bersama universiti universiti di negara ini akan menganjurkan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) peringkat IPTA yang mana fokus utama melibatkan Mahasiswa.

Majlis Perumahan Universiti-Universiti Malaysia (MAPUM) ditubuhkan dengan tujuan

menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang bersepadu yang melibatkan perumahan, kolej antara IPTA. Ini termasuklah kemudahan asas yang disediakan di kolej-kolej bagi kesejahteraan pelajar.

Sementara itu, Pengerusi MAPUM, En. Nordin Jusoh yang juga Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Darul Iman (UDM) berkata, sewajarnya, dalam merangka kolej kediaman pelajar yang lebih kondusif MAPUM telah memperkemas kinikan kolej yang merangkumi beberapa ciri keselamatan kediaman pelajar, kemudahan persekitaran yang lebih selesa dan kafeteria yang berpatutan, di samping menggalakan jalinan kerjasama yang jitu, antara semua pihak kolej kediaman dengan pihak berkuasa universiti dan pihak keselamatan demi memastikan kolej kediaman pelajar sentiasa terjamin tahap keselamatan yang berterusan.

Katanya, "adalah menjadi keutamaan dan tanggungjawab universiti dalam memastikan kebajikan, pengangkutan dan penginapan pelajar terpelihara di samping memberikan kepuasan dan keselesaan di kalangan warga kolej demi melahirkan pelajar yang berwibawa, berinovatif mempunyai ilmu dan kemahiran yang khusus melalui konsep pembelajaran liberal, selain menghasilkan golongan pelajar yang berkualiti, proaktif dan progresif".

Beberapa resolusi dan cadangan-cadangan mengenai prasarana kolej kediaman seluruh universiti akan diusulkan dan dibentangkan dalam mesyuarat Sekretariat Majlis Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) IPTA ke-169 yang akan diadakan pada akhir bulan Februari ini bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Selepas bermesyuarat, rombongan MAPUM dari seluruh IPTA di negara ini sempat meluangkan masa berkunjung ke Taman Negara.

Hadir sama dalam majlis yang julung-julung kalinya diadakan di Kota Kinabalu adalah Penolong Pendaftar Kanan, En. Roslan Hj Gimba selaku pengarah pelaksana, En. Mat Usop Hj Rashid, Pengurus Asrama UMS dan ahli MAPUM serta Pengetua-Pengetua kolej seluruh IPTA. **-OLEH ISMAIL ALI JS**



**BERAMAH MESRA ....** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Haji Ampon berbual mesra bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Et Alumni (HEPA) Prof Madya Dr.Hj. Kasim Hj. Mansur, Prof Madya Dr. Piakong Mohd. Tuah, Pengerusi Majlis Pengetua-Pengetua Kolej UMS dan Pengerusi MAPUM, En. Nordin Jusoh selepas mesyuarat MAPUM ke-41.



**TERPEGUN ...** Menyaksikan khazanah yang terdapat di Muzium UMS.

**TERSEGAM INDAH ...** Kolej Kediaman pelajar UMS.

